

UTeM Entry IoT Access Point System (e-TAP)

Oleh : Hayani Abu Yamin & Norleen Azam

UTeM Entry IoT Access Point System atau ringkasnya e-TAP adalah sistem yang dibangunkan oleh Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi (PPPK) dalam membantu UTeM bagi melancarkan kawalan pergerakan keluar dan masuk individu ke kampus UTeM sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Inisiatif ini adalah cetusan daripada hasrat pihak Pengurusan Universiti dalam menyediakan suatu kaedah berteraskan IT untuk melancarkan pergerakan dan pemantauan keluar dan masuk individu ke dalam kampus UTeM. Usaha ini dilihat perlu dalam menyokong saranan kerajaan untuk membendung wabak COVID-19 yang sedang melanda negara daripada terus merebak dan memastikan hanya individu yang benar-benar sihat sahaja dibenarkan masuk ke kampus UTeM.

Diawal pelaksanaannya, ianya memberi fokus kepada kawalan pergerakan keluar dan masuk staf UTeM sahaja. Namun berdasarkan keperluan semasa, pelaksanaan e-TAP telah diperluaskan penggunaannya kepada pelajar prasiswazah, pelajar pasca-siswazah, pelawat serta pekerja bukan staf mengikut keperluan tugas masing-masing.

Dilihat daripada sudut proses dan pelaksanaan sistem, setiap individu yang ingin memasuki kampus UTeM perlu membuat saringan deklarasi kesihatan (health declaration) secara dalam talian. Seterusnya setiap individu perlu membuat permohonan kemasukan ke UTeM menerusi portal Sistem Maklumat Universiti dan permohonan perlu mendapat kelulusan daripada Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) atau Pihak Berkuasa Universiti (PBU) masing-masing. Kedua-dua maklumat ini akan diproses dan kemudian akan memberikan *output* atau keputusan sama ada individu tersebut dibenarkan untuk memasuki kampus UTeM atau sebaliknya. Keputusan yang dipaparkan di dalam sistem akan ditentukan dengan tiga warna iaitu hijau, kuning dan merah. Hanya individu yang mendapat keputusan warna hijau sahaja



yang akan dibenarkan untuk masuk ke dalam kampus UTeM. Sehubungan itu setiap individu boleh membuat semakan secara harian sebelum hadir ke kampus UTeM. Individu hanya perlu memaparkan skrin telefon kepada pihak keselamatan yang bertugas di Pos Keselamatan UTeM sebelum dibenarkan masuk ke kampus UTeM.

Sistem e-TAP juga turut diperluaskan penggunaannya bagi tujuan staf memohon kebenaran solat Jumaat di Masjid Sayyidina Abu Bakar UTeM. Setiap staf perlu memohon melalui portal Sistem Maklumat Universiti dan kelulusan akan dibuat oleh pegawai yang diberi kuasa. Kawalan dan jumlah kehadiran adalah selaras dengan standard operating procedure (SOP) dan arahan-arahan yang digariskan.

Sistem e-TAP yang dibangunkan ini, telah memberi impak yang signifikan terhadap kelancaran pengoperasian harian dalam mengawal pergerakan keluar dan masuk ke kampus UTeM. Menerusi sistem e-TAP ini juga, pemantauan dapat dilakukan dengan lebih efisien dan efektif.

Sekalung penghargaan kepada semua pihak yang telah bekerjasama dalam memberi input dan idea sepanjang proses pembangunan sistem sehingga pelaksanaannya.

